

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 Julai 2002

SOALAN

YB Puan Hajah Melati Binti Ali minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan apakah peranan Jabatan HAWA dan bagaimana cara pelaksanaan Jabatan tersebut.

JAWAPAN

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga berperanan melaksanakan program pembangunan wanita dalam konteks visi Kementerian untuk mencapai kesaksamaan gender ke arah pembentukan sebuah negara maju. Dalam usaha mencapai visi di atas, JPW telah disusun semula pada 1 Julai 2001. Di bawah struktur baru ini, Jabatan melaksanakan program seperti berikut: i) mewujudkan serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti di Pusat Khidmat Wanita (PKW) yang diwujudkan di seluruh negara. Antara perkhidmatan yang disediakan di Pusat Khidmat Wanita ialah bimbingan dan kaunseling, latihan Kementerian serta menyediakan maklumat mengenai kemudahan yang boleh didapati daripada pelbagai agensi; ii) melaksanakan program bagi mengatasi masalah tertentu yang dihadapi oleh wanita seperti keganasan, diskriminasi, masalah sosial dan sebagainya. Salah satu usaha di bawah program ini adalah kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (OMBAK); iii) melaksanakan program latihan untuk meningkatkan kemahiran wanita dalam pelbagai bidang termasuk teknologi maklumat dan komunikasi dan keusahawanan. Program latihan pembangunan wanita ini dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti Women's Institute of Management (WIM) dan Yayasan Pendidikan Dan Vokasional Wanita Malaysia dan Persatuan Peguam Muslim Malaysia. iv) Program kepimpinan wanita. Antara projek di bawah program ini ialah 'Nur Bestari' yang bertujuan meningkatkan ketrampilan wanita sebagai agen perubahan dan penggerak pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Program ini dirangka khas dengan tujuan mendedahkan wanita kepada isu-isu, keperluan dan kepentingan wanita semasa dengan penekanan diberi kepada bidang literasi undang-undang, kemahiran kepimpinan dan motivasi, pembangunan kesihatan wanita dan keluarga, kepekaan gender dan cara-cara menangani dan mengurus konflik yang dihadapi oleh wanita sebagai pemimpin sebuah organisasi. Penubuhan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di tiga belas buah negeri memberikan ruang yang lebih luas kepada Jabatan Pembangunan Wanita untuk berperanan secara lebih aktif agar program-program pembangunan wanita yang dilaksanakan tersebar hingga ke akar umbi. Urusan ini berada di peringkat mendapatkan pegawai bagi memenuhi jawatan yang telah diwujudkan. Dalam melaksanakan program-program pembangunan wanita, JPW juga melaksanakan usaha memantau dan menilai keberkesannya. Melalui penilaian yang dijalankan usaha-usaha penambahbaikan akan dapat dilaksanakan.

